

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (MUKA SEPULUH)

TARIKH: 23 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 10

## Tegas tangani PPW ingkar

Cukup mengejutkan apabila Bahagian Kawalan Kredit Komuniti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dimaklumkan sukar untuk memantau operasi 4,292 syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berdaftar.

Melihat keadaan ini, tidak hairanlah PPW seperti tidak berminat mengikuti garis panduan ditetapkan KPKT, termasuk melalui penjenamaan semula syarikat kepada Kredit Komuniti. Bayangkan jika yang berdaftar pun tak dapat pantau, macam mana pula dengan PPW tidak berdaftar?

Kita akui kekangan kakitangan antara faktor utama, namun sesuatu harus dilakukan. Bagi PPW yang ingkar, usah teragak-agak batalan lesen mereka. Malah tindakan keras harus dikenakan ke atas mereka yang beroperasi secara haram.

Kita tidak mahu PPW melihat kelemahan KPKT ini mengundang kesempatan untuk mereka 'besar kepala' memandang remeh arahan dan peraturan. Jika ini berlaku, orang awam yang berurusan juga akan jadi mangsa.